

17 AUG 2000

Zainal-MB

TIMBALAN MENTERI BESAR SELANGOR AKUR SEBARANG KEPUTUSAN

SHAH ALAM, 17 Ogos (Bernama) -- Timbalan Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad berkata beliau akan akur dengan sebarang kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor walaupun sekiranya beliau tidak terpilih.

Katanya beliau juga pasti bahawa setiap Exco kerajaan negeri, malah seluruh penduduk Selangor akan akur dan menerima sesiapa juga yang bakal dipilih oleh Perdana Menteri untuk menjadi Menteri Besar Selangor.

"Ia adalah hak Perdana Menteri (melantik MB), apa sahaja keputusannya saya akur," katanya semasa ditemui pemberita selepas merasmikan Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor di Dataran Kemerdekaan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan beliau tidak terpilih menjadi Menteri Besar Selangor walaupun mengikut amalan biasa timbalan adalah calon terbaik untuk naik pangkat selepas ketiadaan ketuanya.

Semasa ditanya mengenai khabar angin mengatakan bahawa ada beberapa pihak di Selangor yang tidak bersetuju dan akan memprotes sekiranya beliau dilantik menjadi Menteri Besar Selangor, Zainal masih berpegang kepada kenyataan awalnya bahawa segalanya terserah kepada Perdana Menteri dan beliau akan akur.

Sementara itu, merujuk kepada persiapan menyambut Hari Kebangsaan, Zainal berkata persiapannya berjalan lancar dan 60 peratus persiapan untuk acara sambutan tersebut sudah diselesaikan.

Beliau berkata kelewatan kerajaan melantik Menteri Besar Selangor tidak membantutkan perjalanan persiapan sambutan Hari Kebangsaan dan semua Exco kerajaan negeri juga berkerja seperti biasa tanpa sebarang masalah.

Katanya mereka yang terbabit dalam sambutan Hari Kebangsaan terus tekun bekerja dan menunjukkan semangat tinggi untuk menjayakan sambutan itu di bawah pengelolaan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ambrin Buang.

Zainal berkata urusan pentadbiran kerajaan Selangor berjalan dengan lancar dengan urusan hariannya dikendalikan dengan baik oleh Ambrin.

Sementara itu, menurut satu sumber Menteri Besar Selangor perlu diumumkan sebelum Khamis depan bagi melincinkan persiapan sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos nanti.

-- BERNAMA

AZH RI